

Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan diberikan sembah penerangan ketika menyaksikan pameran yang mempamerkan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 September. - Pameran diadakan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas yang dibahagikan kepada tiga bahagian yang selaras dengan tema sambutannya iaitu 'Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar'.

Pada tahun ini, pameran diadakan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC). Berakas yang dibahagikan kepada tiga bahagian yang selaras dengan tema sambutannya iaitu 'Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar'.

bahagian iaitu Ruang Titah - Utama yang mengongsikan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; Ruang A dan Ruang B.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

Pameran turut memfokuskan kepada dua bidang iaitu di Ruang A: Inovasi Pendidikan dan Ruang B: Pendidikan Sepanjang Hayat.

Ruang Utama - Titah mempamerkan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Ruang A: Inovasi Pendidikan memaparkan inisiatif pembudayaan pembacaan Al-Quran dan pembelajaran sejarah Islam di sekolah-sekolah rendah ke menengah di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dan juga pembudayaan pembacaan Al-Quran di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Turut ditampilkan pada pameran tersebut ialah Unit Pendidikan Khas (UPK) yang mengetengahkan beberapa strategi menggunakan kaedah 'Basic Added System For Augmentation and Alternative Communication (AAC)' yang digunakan dalam membantu meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar

berkeperluan khas di sekolah. Jabatan Pengajian Islam (JPI) turut mempamerkan perisian interaktif dan audio MP3 lagu-lagu Dikir Maulid Syarafil Anam dan Maulid Berzanji Nasr (Rawi) yang diterbitkan oleh jabatan berkenaan melalui Bahagian Kurikulum, menonjolkan mengenai aktiviti pengajaran dan pembelajaran lagu-lagu dikir Maulid Syarafil Anam dan Maulid Berzanji Nasr (Rawi) di persekolahan Umgama.

Sementara itu, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) turut memaparkan pelajar-pelajar institut berkenaan menjadi imam-imam solat terawih di beberapa buah masjid di Negara Brunei Darussalam, mengetengahkan Projek Tadrid amali bagi pelajar diploma Aliyah Qiraat ITQSHHB.

Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) pula mengetengahkan dua buah sekolah swasta di bawah pengawasan BPS, Kementerian Pendidikan iaitu inovasi pendidikan di peringkat tadika (*kindergarten*) dan juga peringkat sekolah rendah.

Ke muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan diberi sembah penerangan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal ketika menyaksikan pameran daripada UNISSA (kiri). Sementara gambar kanan, baginda dan paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar ramai bersama guru-guru dan pelajar dari Seri Mulia Sarjana International School.



PADUKA-PADUKA anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah diberikan sembah penerangan ketika menyaksikan pameran pada majlis tersebut.



KEBAWAH DYMM ketika berkenan diberikan sembah penerangan ketika menyaksikan pameran daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) memaparkan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di KUPU SB (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama penuntut yang menyertai pameran dikendalikan oleh Pusat Kerjasama Sama Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) bekerjasama dengan pihak Pihak Berkusa bagi Industri Teknologi Info Komunikasi Brunei Darussalam (AITI).

Dar muka 7

Akhir sekali ialah pameran daripada Pusat Kerjasama Sama Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) dengan kerjasama pihak Pihak Berkusa bagi Industri Teknologi Info Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) untuk mempromosi dan mempamerkan program dan aktiviti pembangunan kapasiti dan kemahiran yang telah dikendalikan oleh pihak AITI bagi penuntut-penuntut seperti TechKids Camp and Hackathon, melibatkan penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah sebagai usaha untuk melengkap peserta ke arah Kemahiran

Pengekodan (Coding) bagi keperluan Smart Nation dan IR 4.0 yang akan datang.

Manakala Pameran di Ruang B: Pendidikan Sepanjang Hayat mempamerkan Pusat Pendidikan Sepanjang Hayat (Pusat L3) di bawah Kementerian Pendidikan yang berobjektif untuk memperkenalkan penubuhan sebuah pusat baru sebagai One-Stop Information Centre, bagi pendidikan sepanjang hayat di bawah bidang kuasa Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan.

Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi

Brunei (UTB) juga ikut serta mempamerkan program-program yang berkaitan dengan pembelajaran sepanjang hayat.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula memperlhatkan inisiatif-inisiatif pembelajaran sepanjang hayat melalui program-program yang dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama fakulti-fakulti yang terdapat di UNISSA seperti program Talaggi Tilawah Al-Quran Bersanad, Animal Welfare and Slaughter Workshop dan sebagainya.

Sementara Kolej Universiti

Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) memaparkan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di KUPU SB yang antara lain bertujuan untuk mengasuh dan memberikan kemahiran tambahan kepada pelajar-pelajar KUPU SB sebagai satu kelebihan dalam kolothespasaran mereka setelah menamatkan pengajian di KUPU SB.

Politeknik Brunei (PB) turut menampilkan bakat kemahiran penuntut Politeknik dalam penggunaan perisian (software) Dua Dimensi dan perisian (software) Tiga Dimensi yang

mana pameran perisian menunjukkan salah satu hasil video yang dihasilkan oleh lima penuntut-penuntut Diploma Seni Bina (Architecture), dengan menggunakan perisian Tiga Dimensi SketchUp dan Lumion.

Akhir sekali, pameran yang dipersembahkan oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang memperlhatkan inisiatif-inisiatif yang berbentuk inovasi pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan secara holistik oleh sekolah-sekolah di bawah dua buah rangkaian sekolah berkelompok, iaitu IBTE Central dan IBTE Satellite.



BAGINDA berkenan menerima sembah penerangan daripada para pelajar Politeknik Brunei (kiri). Sementara gambar kanan, baginda dan paduka anakanda berkenan bergambar ramai bersama guru-guru dan pelajar-pelajar Politeknik Brunei.



KEBAWAH DYMM ketika berkenan menyaksikan pameran UNISSA yang mengetahahkan inisiatif-inisiatif pembelajaran sepanjang hayat melalui program-program yang dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama fakulti-fakulti yang terdapat di UNISSA (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada murid-murid Miftah An-Nur Islamic International School.